



Rujukan Kami: JUPEM.BP.PU.600.1.1.3 Jld.2 (4)
Tarikh: 24 Mac 2022

Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 KUALA LUMPUR

YBhg. Datuk,

**MAKLUMAN MENGENAI PENUTUPAN SEMENTARA MAKMAL UJIAN ALAT
PENGESANAN UTILITI BAWAH TANAH DI IBU PEJABAT JABATAN UKUR DAN
PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM), KUALA LUMPUR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Makmal Ujian Alat Pengesanan Utiliti Bawah Tanah bertempat di Ibu Pejabat JUPEM akan ditutup buat sementara waktu mulai pada 1 April 2022 (Jumaat) untuk memberi laluan kepada kerja-kerja penyelenggaraan serta pembaikan bangunan makmal ujian dan dijangka akan kembali beroperasi semula pada 13 Jun 2022 (Isnin).
3. Sehubungan itu, mohon jasa baik YBhg. Datuk agar dapat memaklumkan penutupan sementara ini kepada semua Juruukur Tanah Bertauliah (JTB) yang berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak JTB adalah dibenarkan untuk menjalankan ujian alat *Ground Penetrating Radar (GPR)* dan *Electro-magnetic Locator (EML)* di Pusat Kalibrasi Peralatan Pengesanan Utiliti Bawah Tanah bertempat di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Behrang, Tanjong Malim semasa tempoh penutupan sementara ini.
4. Untuk makluman YBhg. Datuk, permohonan tempahan Pusat Kalibrasi Pengesanan Utiliti Bawah Tanah di INSTUN masih boleh dilakukan melalui laman sesawang <https://aruums.iupem.gov.my/faq/permohonan> dan tertakluk kepada kekosongan.

.../2

5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila berhubung dengan pegawai-pegawai Bahagian Pemetaan Utiliti, Ibu Pejabat JUPEM seperti senarai di bawah:

| Bil | Nama | No. Telefon | Alamat E-mel |
|-----|--|---------------------------|--|
| 1. | Sr Mohd Zakaria bin Gzazali | 03-2617 0743 | zakaria.gzazali@jupem.gov.my |
| 2. | Encik Khairul Fahmi bin Mansor | 03-2817 0800 samb. 449 | fahmi@jupem.gov.my |
| 3. | Encik Mohd Harris Hafizi bin Mohd Shahidan | 03-2817 0800 samb. 464 | harrishafizi@jupem.gov.my |


Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Sr ABD RAHMAN BIN MOHD JAZULI @ MAHMOOD)

Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan Utiliti)

b.p. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia

s.k. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

YBrs. Pengarah Ukur Bahagian (Dasar dan Penyelarasan Pemetaan)